



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
SESI APRIL 2021
KOLEJ POLY-TECH MARA
KOTA BHARU**



PENDAFTARAN

- 1) **Saya telah memohon masuk ke Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya menerima tawaran tersebut?**

Terdapat empat (4) langkah mudah bagi bakal pelajar untuk melengkapkan proses pendaftaran:

- Semakan permohonan kemasukan di laman web **www.kptm.edu.my** => **Pelawat => Semakan Permohonan.**
- Membuat bayaran yuran pengesahan penerimaan tawaran dan yuran pendaftaran melalui atas talian (online) FPX.
- Membuat pengesahan penerimaan tawaran di laman web **www.kptm.edu.my** => **Pelawat => Semakan Permohonan => Pengesahan dan Bayaran Yuran Pendaftaran.**
- Mendaftar secara atas talian (online) pada tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak kolej.

- 2) **Saya telah dimaklumkan oleh pihak kolej bahawa pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan sepenuhnya secara online. Bagaimanakah proses pendaftaran tersebut?**

(i) **Mendaftar masuk / melapor diri di Sistem EREGISTER (13 – 20 April 2021)**

Langkah-langkah untuk melapor diri :

- Pelajar baharu yang telah membuat bayaran pengesahan perlu ke laman web <https://eregister.kptm.edu.my/> => **STUDENT LOGIN**
- Pelajar dikehendaki memasukkan **NO IC** dan **NO RUJUKAN SURAT TAWARAN** untuk login ke dalam sistem eregister.
- Klik **GO TO ENROLMENT PAGE.**
- Pelajar boleh memasukkan **nick name** serta boleh kemaskini **nombor telefon** dan **emel**. Seterusnya klik **AGREE.**
- Seterusnya, pelajar perlu memuatnaik (*upload*) **salinan IC** dan **slip result SPM (wajib).**
- Selesai.

(ii) **Mendaftar masuk ke Sistem SPMP (23 - 24 April 2021)**

Semua pelajar baharu adalah **DIWAJIBKAN** Login ke **Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)** di pautan <https://smpkb.kptm.edu.my/portal/login.asp> bermula **23 April 2021**.

Login – **Username** : No.ID Pelajar (KBA21*****) , **Password** : No.Kad Pengenalan Pelajar.

***(Catatan : No.ID pelajar akan DITERIMA oleh pelajar pada 23 April 2021 melalui whatsApp/sms/emel/panggilan telefon)**

Pelajar dikehendaki menukar *password* bagi membuktikan pelajar telah berjaya mendaftar sebagai pelajar KPTM untuk **Sesi April 2021**. Pelajar akan memperoleh email rasmi KPTM (@student.kptm.edu.my) melalui SPMP.

3) Dokumen apakah yang diperlukan bagi melengkapkan proses pendaftaran?

Semua pelajar baharu perlu memuatnaik (*upload*) dokumen yang diperlukan (lengkap dan jelas) di SPMP kolej bermula **25 – 28 April 2021**, Dokumen yang diperlukan adalah seperti senarai berikut:

- 1) IC / Kad Pengenalan (**wajib**)
- 2) Slip Keputusan SPM/ Sijil yang berkaitan (**wajib**)
- 3) Salinan slip bayaran yuran pengesahan (**wajib**)
- 4) *Polisi pematuhan yuran (**wajib**)
- 5) *Borang Perakuan Pembiayaan (**wajib**)
- 6) Muka depan akaun bank (*Salinan yang memaparkan Nama, No.K/P dan nombor akaun simpanan*) (**wajib**)

*Bagi item 4-5, salinan borang boleh didapati di **Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu (mukasurat 17-19)**

4) Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran.

Pendaftaran tanpa pengesahan penerimaan tawaran tertakluk kepada kekosongan dan budi bicara pihak pengurusan kolej.

5) Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?

TIDAK BOLEH. Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke KPTM.

6) Dokumen SET 1 saya masih ada yang tidak lengkap dan saya belum menjalani pemeriksaan kesihatan. Bolehkah saya mendaftar sebagai pelajar?

Boleh. Tetapi anda perlu melengkapkan segala keperluan dokumen dan menyerahkan kepada pihak kolej melalui **serahan tangan (bagi yang tinggal berdekatan)** atau **melalui pos**.

Alamat untuk pos:

**PEJABAT AKADEMIK (SPRS)
KOLEJ POLY-TECH MARA KOTA BHARU
LEMBAH SIREH, SEKSYEN 17
15050 KOTA BHARU, KELANTAN**

Tarikh akhir penyerahan dokumen SET 1 ke kolej adalah selewat-lewatnya 6 Mei 2021.

Jika ada masalah dan kemusykilan untuk mengisi borang-borang dalam **SET 1**, boleh hubungi nombor telefon berikut:

- **09-7462020 ext 216 (Pn Syikin)**
- **09-7462020 ext 217 (Pn Rahaizan / Pn Masnida)**

***DOKUMEN SET 2 (TAJAAN)** – Pihak tajaan akan maklumkan kepada pelajar tarikh perlu dihantar.

KULIAH

1) Bilakah sesi kuliah akan bermula?

Sesi kuliah secara atas talian (online) akan bermula pada **26 April 2021 (Isnin)**.

2) Berapakah tempoh masa pengajian bagi mengikuti diploma di KPTM Kota Bharu?

Tempoh pengajian bagi mengikuti program diploma di KPTM Kota Bharu adalah selama **2 tahun 4 bulan**.

3) Bagaimanakah proses pelaksanaan kuliah secara online?

Pelaksanaan kuliah secara atas talian (online) termasuk medium pembelajaran akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

4) Bagaimanakah dengan pendaftaran kursus yang perlu saya ikuti sepanjang tempoh pengajian saya?

Bagi pelajar baharu, pendaftaran kursus akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak akademik kolej. Bagi pelajar kanan/lama, pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus

5) Apakah keperluan lain untuk mengikuti kuliah seperti pembelian buku rujukan dan lain-lain?

Keperluan buku / modul bergantung sepenuhnya kepada pensyarah kursus. Pelajar boleh merujuk kepada pensyarah kursus masing-masing semasa sesi kuliah bermula.

6) Bagaimanakah penyaluran maklumat berkenaan jadual kuliah dan juga peraturan-peraturan akademik kolej?

Pelajar boleh mengakses jadual kuliah dan Buku Peraturan Akademik tersebut bagi tujuan rujukan dan panduan yang akan dimuatnaik di website KPTM Kota Bharu (**kbharu.kptm.edu.my**).